

HARI : SABTU  
TARIKH : 8/2/2020  
M/SURAT : 8A

## Syarikat bekal produk palsu didenda

**Kuala Lumpur:** Sebuah syarikat menjual pakaian didenda RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga pertuduhan memiliki dan membekalkan 1,130 unit tali pinggang, topi, dompet dan beg pelbagai jenama palsu, tiga tahun lalu.

Hakim Manira Mohd Nor menjatuhkan hukuman itu ke atas Top BS Sdn Bhd, diwakili pengarah syarikat, Beh Eng Hewa, 54, selaku orang kena saman (OKS) selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan berkenaan.

Mahkamah memerintahkan OKS membayar denda RM9,000 atau lima bulan penjara bagi pertuduhan pertama, RM6,000 atau empat bulan penjara bagi pertuduhan kedua dan denda RM5,000 atau tiga bulan penjara untuk pertuduhan ketiga. OKS membayar denda itu.

Bagi ketiga-tiga pertuduhan, syarikat itu didakwa mempunyai dalam milikan untuk pembekalan apa-apa barang yang baginya suatu perihal dagangan palsu digunakan bagi barang pelbagai jenama iaitu tali pinggang 646 unit, topi 91 unit, dompet 357 unit dan beg 36 unit.

